

ANALISIS DEMOGRAFI GRADUAN IPT DALAM BIDANG KEUSAHAWANAN DI MALAYSIA

Suhaila Nadzri, Normazaini Saleh, & Mohamed Arshad Mohd Buhary

Fakulti Pengurusan & Muamalah
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Objektif kajian ini untuk menganalisa profil demografi graduan Institut Pengajian Tinggi yang menceburi dunia keusahawanan selepas mengikuti program keusahawanan di bawah Kelab PERMATA Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS). Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi penglibatan graduan dalam dunia keusahawanan. Tetapi kajian ini hanya memfokuskan kepada faktor demografi graduan sahaja. Data diperolehi secara rawak melalui agihan 100 borang soal selidik kepada graduan yang telah menjadi usahawan selepas mengikuti program ini. Seramai 85 responden telah mengembalikan borang soal-selidik tersebut dengan lengkap. Data dianalisis menggunakan 'Statistic Package for Social Science (SPSS) For Windows Version 20 SPSS'. Data dianalisa menggunakan analisis diskriptif iaitu kekerapan, peratusan, cross-tab dan analisis chi-square. Dapatan kajian menunjukkan gender dan bidang pengajian tidak menunjukkan kaitan signifikan dalam pemilihan jenis perniagaan kepada lepasan graduan, tetapi pekerjaan bapa menunjukkan kaitan signifikan dalam pemilihan jenis perniagaan kepada lepasan graduan. Ini menggambarkan walaupun graduan ini pernah mengikuti pengajian dalam bidang yang berkaitan namun ia tidak mempengaruhi penglibatan graduan dalam dunia keusahawanan.

Kata kunci: Profil demografi, Graduan, Keusahawanan, Perniagaan, Kelab Permata, PKNS

PENGENALAN

Keusahawanan telah menjadi salah satu alternatif penting bagi setiap negara dalam merencanakan aktiviti keusahawanan. Aktiviti-aktiviti keusahawanan dapat mewujudkan peluang pekerjaan untuk diisi oleh masyarakat seterusnya mengurangkan kadar pengangguran (Abdullah Azhar et al., 2010). Menurut Dickson, Sulaiman dan Mark Weaver (2008), pertumbuhan keusahawanan adalah penting bagi meningkatkan ekonomi negara. Pernyataan ini disokong oleh Nafukho dan Helen Muyia (2010), di mana keusahawanan adalah salah satu elemen penting bagi mewujudkan dan membentuk ekonomi yang stabil.

Terdapat sebilangan besar institusi-institusi kerajaan dan swasta di Malaysia yang menawarkan kursus-kursus keusahawanan untuk para graduan IPT (siswazah). Salah satunya Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor di bawah Kelab PERMATA Selangor. Kelab ini aktif dalam melaksanakan seminar, bengkel dan kem pembangunan usahawan mahasiswa. Dianggarkan lapan puluh peratus (80%) peserta yang mengikuti program pembangunan usahawan kelab ini, telah memulakan perniagaan sama ada secara sampingan atau sepenuh masa (<http://www.pknsbizpoint.com>). Terdapat lapan (8) buah IPT di Negeri Selangor yang disasarkan

oleh Kelab PERMATA dalam memberikan kemahiran pembangunan usahawan ini iaitu Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Industri Selangor (UNISEL), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains dan Pengurusan (MSU), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA), Kolej Antarabangsa INPENS, dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

PENYATAAN MASALAH

Trend pilihan sektor pekerjaan pada tahun 2014 (254,120 graduan 2014) menunjukkan 10.6% sahaja daripada graduan memilih usahawan sebagai kerjaya manakala majoriti memilih untuk bekerja di sektor swasta tempatan (44.50%), kerajaan/ badan berkanun (20.60%), swasta multinational 17.70%, syarikat GLC/NGO/dan lain-lain 6.6%) (*Laporan Statistik Kajian Pengesanan Graduan Kementerian Pengajian Tinggi 2014*). Ini secara tidak langsung menggambarkan kerjaya sebagai usahawan bukanlah merupakan kerjaya pilihan dan amalan budaya bekerja dengan pendapatan tetap masih menjadi prioriti dalam kalangan graduan lepasan IPT.

Fenomena ini mendorong pengkaji untuk mengkaji lebih mendalam berkaitan profil demografi graduan IPT dengan pemilihan mereka terhadap jenis perniagaan yang diceburi. Kajian ini meneliti kecenderungan pemilihan bidang perniagaan graduan berdasarkan faktor demografi iaitu gender, latarbelakang jurusan pengajian dan juga latarbelakang keluarga. Kajian akan memeriksa adakah terdapat perbezaan dalam faktor demografi graduan dan pemilihan jenis perniagaan. Walaupun terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi keputusan graduan untuk menceburi bidang keusahawanan, namun kajian ini hanya memfokuskan kepada faktor demografi graduan IPT yang menceburi dunia perniagaan di Negeri Selangor yang telah menceburi bidang keusahawanan selepas mengikuti program Keusahawanan di bawah Kelab PERMATA PKNS.

KAJIAN LITERATUR

Definisi Usahawan

Istilah usahawan mempunyai pelbagai maksud dan takrifan mengikut bidang atau kefahaman individu. Menurut Rosli Mahmood et al. (2007) usahawan boleh ditakrifkan sebagai seorang yang mengusahakan sesuatu perniagaan sehingga berjaya dengan motif memperolehi keuntungan di samping mengamalkan amalan-amalan yang strategik untuk terus berjaya. Sarimah Hanim Aman Shah & Cecilia Soon Teik Lan (2013) memberikan takrifan am kepada usahawan sebagai seseorang yang mendirikan entiti baharu bagi menawarkan produk atau perkhidmatan baru atau yang sedia ada ke dalam pasaran baru atau sedia ada, sama ada untuk hasil yang menguntungkan atau tidak menguntungkan. Usahawan adalah individual yang dapat melihat peluang untuk perniagaan dan mewujudkan sebuah organisasi untuk membangun dan menguruskan perniagaan yang berjaya. Dia dapat mengenal pasti dan merebut peluang dan membawa masuk sumber yang diperlukan seperti kewangan, tenaga kerja, dan bahan-bahan mentah untuk membangunkan produk atau perkhidmatan.

Faktor-Faktor Yang Mendorong Graduan menjadi Usahawan

Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi penglibatan graduan dalam dunia perniagaan pada hari ini. Menurut Zain, Akram & Ghani, (2010) seorang usahawan biasanya melibatkan

keberanian dalaman, cita-cita dan perasaan untuk berdikari tanpa bergantung kepada orang lain. Seorang individu mungkin mempunyai potensi untuk menjadi usahawan tetapi tidak membuat apa-apa peralihan ke dalam keusahawanan kecuali mereka mempunyai niat yang tersebut niat memberikan pandangan yang berharga untuk pengkaji untuk memahami proses keusahawanan dan meramalkan aktiviti keusahawanan dengan cara yang lebih baik dengan mengenal pasti latar belakang niat keusahawanan. Dalam kajian ini fokus hanya kepada tiga faktor-faktor yang di bawah:

1) Faktor Jurusan Pengajian Yang Diambil

Jurusan pengajian di universiti memainkan peranan yang besar dalam mempengaruhi penglibatan graduan dalam dunia keusahawanan. Menurut Hala W. Hattab (2014), terdapat hubungan yang positif antara pendidikan keusahawanan dengan niat pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan. Dapatan kajian lepas menunjukkan mereka yang terlibat dengan aktiviti keusahawanan dalam tempoh pengajian berpotensi untuk menjadi usahawan pada masa hadapan (Bakotic & Kruzic, 2010; Ooi et al., 2011; Linan 2004). Justeru, penambahbaikan kepada sistem pendidikan perlu untuk lebih mengalakkan kreativiti dan inovasi kepada pelajar. Malah pendidikan juga mempengaruhi orientasi keusahawanan Mahasiswa. Ini disokong oleh Ivana Bilić, Ante Prka & Gaia Vidović (2011), kajian mereka mendapati pelajar semester akhir dalam bidang keusahawanan atau yang pernah mengikuti kursus kemahiran keusahawanan lebih cenderung mempunyai orientasi keusahawanan.

2) Latar belakang Keluarga

Kerjaya keusahawanan dipengaruhi oleh latar belakang pekerjaan ibu bapa seseorang usahawan di mana keluarga turut memainkan peranan dalam mengalakkan kredibiliti keusahawanan sebagai satu kerjaya (Hisrich 2000; Norashidah Othman & Noraishah Buang 2009). Pemilihan kerjaya graduan lebih banyak dipengaruhi oleh faktor persekitaran keluarga berdasarkan pemerhatian mereka terhadap apa yang dilakukan oleh keluarga masing-masing (Mohd Khairulhairi, 2008). Manakala Van Auken et al. (2006) pula melaporkan keluarga dengan latar belakang perniagaan sering mempengaruhi dan memberi motivasi kepada adik-beradik mereka untuk terlibat dalam aktiviti keusahawanan dan mereka dijangka mempunyai lebih tinggi kecenderungan untuk memulakan perniagaan pada masa akan datang. Mereka juga mempunyai kemahiran asas dlm bidang perniagaan yang diperolehi daripada pengalaman kerja dan pengalaman sendiri semasa kecil.

3) Gender

Gender memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi jenis perniagaan yang diceburi oleh graduan. Ini memandangkan tahap motivasi adalah berbeza antara lelaki dan perempuan dalam memilih jenis perniagaan yang ingin diceburi oleh mereka. Ini disokong oleh Norasmah Othman dan Sumathy a/p Panniappan (2012), yang mendapati walaupun tidak terdapat perbezaan dalam kemahiran keusahawanan berdasarkan faktor gender tetapi terdapat perbezaan dalam motivasi antara lelaki dan perempuan dalam menceburi jenis perniagaan tertentu. Selain itu menurut Mohd Asri Abdullah (1999), lelaki lebih ramai menceburi dunia keusahawanan berbanding wanita.

Berdasarkan kepada literatur lepas, kajian ini menjangkakan

H₁: Terdapat perbezaan dalam jenis perniagaan yang diceburi oleh graduan berdasarkan gender.

H₂: Terdapat perbezaan dalam jenis perniagaan yang diceburi oleh graduan berdasarkan jurusan bidang pengajian mereka.

H₃: Terdapat perbezaan dalam jenis perniagaan yang diceburi oleh graduan berdasarkan latar belakang pekerjaan ibu bapa mereka.

METODOLOGI

Populasi kajian terdiri daripada graduan-graduan IPT yang menceburi bidang perniagaan selepas mengikuti kemahiran di bawah program pembangunan keusahawanan Kelab PERMATA PKNS. Sebanyak 100 set borang soal selidik telah diedarkan kepada responden yang telah mengikuti program pembangunan keusahawanan di bawah tajaan Kelab PERMATA PKNS. Namun hanya 86 responden yang mengembalikan borang dengan lengkap. Data dianalisa menggunakan Perisian SPSS versi 20.0 dengan menggunakan analisis deskriptif iaitu kekerapan, peratusan, cross-tab dan analisis chi-square.

DAPATAN KAJIAN

Analisis Demografi

Responden terdiri daripada graduan IPT yang telah menjadi usahawan selepas mengikuti program pembangunan keusahawanan di bawah tajaan PKNS ini terdiri daripada majoritinya graduan yang berumur sekitar 20-25 tahun iaitu meliputi 58.8 peratus daripada jumlah responden keseluruhan. Majoriti graduan IPT yang telah menjadi usahawan ini ialah mahasiswa yang bergraduasi peringkat Ijazah (65.9%) dan seterusnya pelajar yang bergraduasi peringkat Diploma (22.4%) dan selebihnya pelajar yang bergraduasi peringkat Sarjana (11.8%).

Seramai 50 orang atau 58.8 peratus usahawan ini terdiri daripada graduan dalam bidang pentadbiran/ pengurusan perniagaan dan seterusnya 15.3 peratus (13 orang) graduan daripada bidang-bidang yang lain seperti bidang ekonomi, akaun, undang-undang, 12 orang atau 14.1 peratus dalam bidang keusahawanan dan 10 orang atau 11.8 peratus graduan dalam bidang pemasaran. Aspek pekerjaan bapa juga di masukan dalam analisis profil demografi ini. Ini memandangkan pekerjaan bapa perlu diketahui kerana untuk mengetahui sama ada latar belakang keluarga mempengaruhi atau tidak mempengaruhi penglibatan graduan dalam keusahawanan. Majoritinya pekerjaan bapa graduan yang mengikuti program pembangunan keusahawanan ialah bapa yang berniaga sendiri atau seorang usahawan (62.4%). Ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Norashidah Othman, Noraishah Buang (2009) yang mendapati kerjaya keusahawanan dipengaruhi oleh latar belakang pekerjaan ibu bapa seseorang usahawan dan keluarga memainkan peranan dalam mengalakkan kredibiliti keusahawanan sebagai satu kerjaya.

Manakala jenis perniagaan yang paling banyak diceburi oleh graduan adalah peruncitan (40%).Ini selari dengan dapatan kajian Norasmah Othman dan Sumathy a/p Panniappan (2011) yang mendapati kebanyakan usahawan menceburi bidang peruncitan, diikuti perniagaan restaurant, tekstil dan pakaian. Jangka hayat perniagaan semasa pula majoriti tempoh 3-5 tahun iaitu 45.9 peratus dan paling rendah tempoh perniagaan sekitar 6-10 tahun (7.1%). Profil demografi responden diringkaskan melalui Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Profil Demografi Responden

Jantina		
Lelaki	49	57.6
Perempuan	36	42.4
Umur		
20-25 tahun	50	58.8
26-30 tahun	31	36.5
30 tahun ke atas	4	4.7
Taraf Pendidikan		
Diploma	19	22.4
Ijazah	56	65.9
Sarjana	10	11.8
Bidang Pengajian Yang Di ambil		
Pentadbiran Perniagaan	50	58.8
Pemasaran	10	11.8
Keusahawanan	12	14.1
Lain-lain	13	15.3
Pekerjaan Bapa		
Berniaga Sendiri	53	62.4
Kakitangan Awam	21	24.7
Kakitangan Swasta	11	12.9
Jenis Perniagaan yang diceburi		
Francais	7	8.2
Perniagaan atas talian	27	31.8
Perkhidmatan	11	12.9
Peruncitan	34	40
Lain-lain	6	7.4
Jangka hayat perniagaan semasa		
1-2 tahun	31	36.5
3-5 tahun	39	45.9
6-10 tahun	6	7.1
Melebihi 10 tahun	9	10.6

Analisis cross-tab

Analisis cross-tab di antara gender dan jenis perniagaan mendapati wanita lebih ramai memilih bidang perkhidmatan manakala lelaki lebih cenderung untuk memilih bidang peruncitan. Bagi kategori perniagaan yang lain, kajian mendapati tiada perbezaan ketara di antara gender dan pemilihan jenis perniagaan tersebut (online, francais dll).

Jadual 2: Jantina dan Jenis Perniagaan

Jenis perniagaan	Jantina	
	Lelaki	Perempuan
Francais	3	4
perkhidmatan	12	15
Perniagaan atas talian	5	6
Peruncitan	26	8
Lain-lain	3	3
Jumlah	49	36

Merujuk kepada Jadual 3 iaitu analisa cross-tab bidang pengajian dan jenis perniagaan didapati kebanyakan graduan yang mengambil bidang Pentadbiran/pengurusan Perniagaan didapati kebanyakan mereka ini menceburi perniagaan atas talian. Graduan yang dalam bidang keusahawanan lebih ramai menceburi perniagaan peruncitan. Manakala graduan dalam bidang pemasaran juga ramai yang menceburi perniagaan atas talian berbanding jenis-jenis perniagaan yang lain.

Jadual 3: Bidang pengajian dan Jenis Perniagaan

Bidang Pengajian	Jenis Perniagaan yang diceburi				
	Francais	Perniagaan atas talian	Perkhidmatan	Peruncitan	Lain-lain
Pentadbiran/pengurusan					
Perniagaan	4	18	6	8	4
Pemasaran	0	5	1	3	0
Keusahawanan	1	1	2	8	1
Lain-lain	2	3	2	5	1
Jumlah	7	27	11	34	6

Merujuk Jadual 4 iaitu analisis Cross-Tab pekerjaan bapa dan jenis perniagaan yang diceburi didapati responden yang ibubapanya berniaga/ usahawan ramai yang terlibat dalam perniagaan peruncitan (28 orang). Manakala pekerjaan bapa kurang mempengaruhi graduan yang menceburi perniagaan atas talian.

Analisa Chi-square (*Goodness of fit test*)

Merujuk Jadual 5 iaitu analisa Chi-square (*Goodness of fit test*) di atas, jantina tidak menunjukkan perbezaan signifikan dalam pemilihan jenis perniagaan kepada lepasan graduan χ^2 (4, N=85)=8.30. $p=0.081$. Bidang pengajian tidak menunjukkan perbezaan signifikan dalam pemilihan jenis perniagaan kepada lepasan graduan χ^2 (12, N=85)=9.27. $p=0.68$. Pekerjaan bapa menunjukkan perbezaan signifikan dalam pemilihan jenis perniagaan kepada lepasan graduan χ^2 (12, N=85)=18.42. $p=0.018$.

Jadual 4: Pekerja Bapa dan Jenis Perniagaan Yang Diceburi

Pekerjaan Bapa	Jenis Perniagaan yang diceburi				
	Francais	Perniagaan atas talian	Perkhidmatan	Peruncitan	Lain-lain
Berniaga sendiri/ usahawan	5	10	7	28	3
Kakitangan Awam	1	9	4	5	2
Kakitangan Swasta	1	8	0	1	1
Jumlah	7	27	11	34	6

Jadual 5: Analisa Chi-Square

Pembolehubah	Pearson Chi-Square		
	Value	Df	Asymp.sig. (2-sided)
Jantina*Jenis perniagaan	8.302a	4	0.081
Bidang Pengajian*Jenis Perniagaan	9.267a	12	0.68
Pekerjaan Bapa*Jenis Perniagaan	18.417a	8	0.018

Merujuk kepada Jadual 6 iaitu analisis Chi-square (*Test of Independence*) di atas jantina tidak menunjukkan kaitan signifikan dalam pemilihan jenis perniagaan kepada lepasan graduan ($\phi = 0.313$, $Cramer's V = 0.313$) maka di sini H_1 ditolak. Bidang pengajian tidak menunjukkan kaitan signifikan dalam pemilihan jenis perniagaan kepada lepasan graduan ($\phi = 0.33$, $Cramer's V = 0.191$) Maka di sini H_2 ditolak. Manakala pekerjaan bapa menunjukkan kaitan signifikan dalam pemilihan jenis perniagaan kepada lepasan graduan ($\phi = 0.465$, $Cramer's V = 0.329$) maka H_3 diterima.

Jadual 6: Test of Independence

Pembolehubah		Value	Approx. Sig
Jantina* Jenis Perniagaan	Phi	0.313	0.081
Bidang pengajian*Jenis Perniagaan	Cramer's V	0.313	0.081
	Phi	0.33	0.68
Pekerjaan Bapa*Jenis Perniagaan	Cramer's V	0.191	0.68
	Phi	0.465	0.018*
	Cramer's V	0.329	0.018

Rumusan dan Cadangan

Kesimpulannya keluarga memainkan peranan dalam menggalakkan keusahawanan sebagai satu kerjaya. Dapatan kajian ini selari dengan kajian lepas (Norashmah Othman & Nor Hafiza

Othman 2012; Mohd Jani & Nor Asiah 2011; van Auken et al. 2006; Phan et al, 2002) yang mendapati bahawa kerjaya keusahawanan dipengaruhi oleh latar belakang pekerjaan ibu bapa seseorang usahawan.

Dicadangkan untuk penyelidikan di masa depan yang pertama, penyelidik boleh menjalankan kajian untuk melihat hubungan antara pelbagai faktor dalam dan luaran yang boleh mempengaruhi penglibatan graduan dalam dunia keusahawanan. Kedua, kajian perbandingan antara kemahiran yang diterima oleh graduan IPT daripada pelbagai agensi-agensi kerajaan seperti MARA, DEWANITA dan KPUN. Selain itu penyelidik juga boleh membuat kajian di masa depan berkaitan penglibatan graduan dalam dunia keusahawanan kerana dorongan motivasi agama.

RUJUKAN

- Abdul Kadir, M. B., Salim, M., & Kamarudin, H. (n.d.) (2012). Factors affecting entrepreneurial intentions among Mara professional college students. Retrieved June 28, 2012, from http://www.mara.gov.my/c/document_library/get_file?uuid=1876d764-710a4228-909b-bf12053486b0&groupId=10157
- Abdullah Azhar, Annum Javaid, MohsinRehman & Asma Hyder (2010). *Entrepreneurial Intentions among Business Students in Pakistan*. Journal of Business Systems, Governance and Ethics, 5(2), 13-21.
- Ajzen, I. (2002). *Perceived Behavioral Control, Self-Efficacy, Locus of Control, and The Theory of Planned Behavior*. Journal of Applied Social Psychology, 32(4). 665-683.
- Alstete, J.W. (2002). *On Becoming Entrepreneur: An Envolving typology*. International Journal of Entrepreneurial Behaviour & Research, 8 (4):222-234.
- Barjoiyai Bardai (2000). *Keusahawanan dan Perniagaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.Kementerian Pengajian Tinggi, Majlis Keusahawanan Mahasiswa Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM), dan Institusi Pengajian Tinggi Awam (2007).
- Barringer, B. R., & Ireland, R. D. (2010). *Entrepreneurship: successfully launching new ventures* (3rd ed.). New Jersey: Pearson
- Bushrah Basiron. (2006). *Persepsi Mahasiswa Terhadap Dasar Pengasingan Asas Pembudayaan Keusahawanan*. Sintok: Universiti Utara Malaysia
- Dell, M. S. (2008). *An investigation of undergraduate student self-employment intention and the impact of entrepreneurship education and previous entrepreneurial experience*. Doctor of Philosophy, School of Business University the Australia.
- Dhiliwayo, S (2008). Experiential learning in entrepreneurship education: a prospective model for South African tertiary institutions. *Education + Training*, 50(4), 329–340
- Dickson, P. H., Solomon, G. T. & Mark Weaver, K. (2008). Entrepreneurial selection and success: does education matter? *Journal of Small Business and Enterprise Development*, 15(2), 239-258.
- Hala W. Hattab (2014), Impact of Entrepreneurship Education on Entrepreneurial Intentions of University Students in Egypt, The journal of Entrepreneurship March 2014, DOI:10.1177/0971355713513346, vol 23, no 1, p.p 1-18
- Halimah Harun (2001). *Budaya Keusahawanan Pelajar Politeknik*.Laporan Kajian Laluan Pantas. Fakulti Pendidikan, UKM
- Hisrich, R. D., Peters, M. P., & Shepherd, D. A. (2005). *Entrepreneurship* (6 ed.). New York: McGraw-Hill Irwin.

- Ishak Yusof et al. (2011). Faktor kerjayaan Usahawan Melayu di Pulau Langkawi, Kedah, Prosiding Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke VI 2011 (PERKEM VI), Jilid 2(2011), 196-207, ISSN:2231-962X
- Ivana Bilić, Ante Prka & Gaia Vidović (2011). How Does Education Influence Entrepreneurship orientation? Case Study of Croatia. *A Journal Management*, Vol. 16, 2011, 1, pp. 115-128
I. Bilić, A. Prka, G. Vidović.
- Kamus Dwibahasa Oxford Fajar (1992). Kuala Lumpur. Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Khairuddin Khalil (1996). *Keusahawanan Sebagai Kerjaya*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairuddin Khalil (2003). *Keusahawanan Sebagai Kerjaya Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Laporan Statistik Kajian Pengesanan Graduan Kementerian Pengajian Tinggi 2014, graduan.mohe.gov.my/Default.aspx
- Linan (2004). Factor affecting Enterpreneurial Intention Levels, www.academia.edu
- Malaysia. (2006). *Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010*. Dicapai pada 20 April 2012 di <http://www.statistic.gov.my>
- Md Mohar Mohamad, Mior Razman Mior Yunus, Muhammad Fakhruzay Md Ariff, Noorazimah Mohd Noor, Tan Chai Chen dan Tew Nee Hong (2001). *Kajian Perbandingan Keusahawanan Bangsa Melayu Dan Cina Di Johor Bahru*. Prosiding Persidangan Kebangsaan Pertama Keusahawanan dan Perniagaan Kecil: Universiti Utara Malaysia
- Mohd Asri Abdullah (1999), Persepsi Usahawan Kecil dan sederhana terhadap program latihan di Malaysia, *Jurnal Akademia UKM*, 52;35-47
- Mohd Najib Abdul Ghafar (1998). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohammad Ismail, Shaiful Annuar Khalid, Mohmod Othman, Hj. Kamaruzaman Jusoff, Norshimah Abdul Rahman, Kamsol Mohamed Kassim, & Rozihana Shekh Zain (2009). Entrepreneurial Intention among Malaysian Undergraduates. *International Journal of Business and Management*, 4(10),54-60.
- Nafukho, F. M. & Helen Muya, M. A. (2010). Entrepreneurship and socioeconomic development in Africa: a reality or myth? *Journal of European Industrial Training*, 34(2), 96-109.
- Norashidah Othman, Noraishah Buang (2009). *Konsep kesediaan Keusahawanan Berdasarkan Kajian Kes Usahawan IKS di Malaysia*, *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(1) (2009):187-203
- Norasmah Hj. Othman & Halimah Harun (2007). *Keusahawan Remaja Malaysia*. Serdang: Penerbit UPM.
- Norasmah Othman dan Sumathy a/p panniappan (2012), Profil Keusahawanan Peniaga India di Malaysia, *Jurnal Akademia* 82(1) 2012:103-111
- Norita Deraman, Nizamuddin Zainuddin, Oemar Hamdan (UUM) (2005). *Kajian Tentang CiriCiri Personaliti Keusahawanan di Kalangan Usahawan Bumiputera (Melayu) Malaysia*, *Jurnal Manajemen & Bisness Sriwijaya* Vol. 3 No. 6 Disember 2005.
- Ooi, Y, K., Selvarajah, C., & Meyer, D. (2011). Inclination towards entrepreneurship among university students: An empirical study of Malaysian university students. *International Journal of Business and Social Social Science*, 2(4),206-220
- PERMATA PKNS 2015, <http://www.pknsbizpoint.com>

- Portal Rasmi Majlis Amanah Rakyat 2014, <http://www.mara.gov.my>
- Prof. Madya Dr. Mohd. Hassan Mohd. Osman (2007) Faktor-Faktor Yang Telah Mendorong Graduan Dan Alumni Universiti Teknologi Malaysia Menceburi Bidang Keusahawanan, Universiti Teknologi Malaysia, Vot penyelidikan
- Rosli Mahmood et al. (2007). Prinsip-prinsip Keusahawanan, Penerbit Cengage Learning Asia Pte Ltd.
- Samer Muhazzab Amin, Azali Mohamed, Mohammad Shatar Sabran, Zulhamri Abdullah, Paramasivam, M. (2009). Kemahiran Keusahawanan. Serdang: Penerbit UPM.
- Sarimah Hanim Aman Shah & Cecilia Soon Teik Lan (2013). *Entrepreneurship*, Third Edition, Penerbit Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Thuaibah Abu Bakar, Azlah Md Ali, PM Dr Hishamudin Md Som, Dr Rozeyta Omar, Syaharzatul Noorizwan Mukhtar, Rossilah Mohd Jamil (2004). Aktiviti keusahawanan di kalangan ibu tunggal di negeri Johor. Research Vote No: 71946. UTM: Jabatan Pengurusan Sumber Manusia.
- Xavier, R., Ahmad Zaki, Dewi Amat Sapuan, Leilanie Mohd Nor, Mohar Yusof, Ainon Jauhariah, Mohd Hanif, Hanita Sarah Saad, & Saad, N. (2009). *The Global Entrepreneurship Monitor (GEM) Malaysian Report, 2009*. Retrieved June 23, 2012, from <http://www.gemconsortium.org/docs/download/753>
- Xavier, R., Noorseha Ayob, Leilanie Mohd Nor, & Mohar Yusof. (2010). *The Global Entrepreneurship Monitor (GEM) Malaysian Report 2010*. Retrieved June 23, 2012, from <http://www.gemconsortium.org/docs/download/754>
- Zain, Akram & Ghani (2010). Enterprenurship Intention Among Malaysian Business Students, Canadian Sosial Science, ISSN 1712-8056, Vol.6.No 3, 2010, pp.34-44, www.cscanada.org, <http://www.researchgate.net/publication/44926933>